
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2006/2007

April 2007

**RLD 506 – Aspek Perundangan Dan
Amalan Profesional**

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan sahaja.

...2/-

- 2 -

1. Sebagai seorang ahli profesional dalam bidang senibina lanskap, anda akan kerap berurusan dengan pelanggan. Sebelum membuat keputusan, anda perlu mempunyai cukup maklumat dan tahap kebolehan yang munasabah. Jika tidak, mungkin anda boleh didakwa cuai dan dikenakan tindakan undang-undang. Bincangkan.

(25 markah)

2. Bagaimanakah perisyntiharann-perisyntiharann di peringkat dunia mempengaruhi pelaksanaan polisi undang-undang berkaitan "hak kepada perumahan yang memadai"?

(25 markah)

3. 'Kontraktor mestilah mematuhi segala arahan yang dikeluarkan kepadanya oleh Arkitek di dalam semua keadaan yang diberi kuasa di dalam syarat-syarat untuk mengeluarkan arahan'. (Klaus 2, skedul dan syarat-syarat perjanjian Kontrak Binaan).

Apakah yang anda faham dengan kenyataan di atas? Jelaskan jawapan anda dengan peranan dan kaitan pihak-pihak yang terlibat di dalam Kontrak Binaan tersebut.

(25 markah)

4. Atas tarikh memiliki tapak dalam appendix syarat-syarat kontrak, tarikh pemilikan tapak mestilah disenaraikan kepada kontraktor di mana kontraktor selepasnya memulakan kerja dengan tekun dan bersungguh-sungguh, dan mestilah menyiapkannya pada atau sebelum tempoh tarikh siap kerja kontrak seperti mana dinyatakan di dalam appendix terkecuali pada provisi Lanjutan Masa yang tercatat pada Klaus 23 dan 32(1)(c) syarat-syarat kontrak. Arkitek mestilah mengeluarkan arahan di atas kerja-kerja yang perlu dilaksanakan tapi ditangguhkan mengikut provisi di dalam kontrak.

- (a) Apakah yang anda fahamkan segala kenyataan di atas?
- (b) Apakah provisi Lanjutan Masa yang dibenarkan di dalam kontrak ini?

(25 markah)

....3/-

- 3 -

5. Seksyen 21 Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) telah memperuntukan beberapa keperluan berkaitan Permohonan Untuk Kebenaran Merancang. Dengan bantuan gambarajah, huraikan prosedur-prosedur yang terlibat dalam proses permohonan tersebut. Sejauh manakah keperluan Laporan Cadangan Pemajuan (LCP) yang diperuntukan di bawah Seksyen 21A , 21B, dan 21C boleh berfungsi sebagai satu instrumen kawalan perancangan dan pembangunan?

(25 markah)

-ooo O ooo-